

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 JULAI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital meningkat

### Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital meningkat



NOOR HISHAM

**KUALA LUMPUR** - Bilangan kes baharu Covid-19 pada Minggu Epidemiologi ke-28 (ME 28/2022) dari 10 hingga 16 Julai meningkat sebanyak 23.4 peratus berbanding ME 27/2022 iaitu 26,355 kes daripada 21,355 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes tempatan Covid-19 pada ME ke-28 meningkat sebanyak 23.4 peratus menjadi 26,317 kes daripada 21,325 kes pada minggu sebelumnya manakala kes import meningkat sebanyak 26.6 peratus daripada 30 kes pada minggu se-

belumnya kepada 38 kes.

"Bilangan kes sembuh pada ME 28/2022 meningkat 6.8 peratus kepada 19,138 kes daripada 16,379 kes pada ME 27/2022," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut Dr Noor Hisham, bilangan kes kematian pada ME 28/2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus (38 kes kepada 39 kes) berbanding ME 27/2022 sementara purata kes aktif setiap hari bagi ME 28/2022 adalah 38,110 iaitu peningkatan sebanyak 18.6 peratus.

Katanya, jumlah kemasukan pe-

sakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk meningkat sebanyak 33 peratus, dengan pesakit kategori satu dan dua meningkat 33 peratus manakala pesakit kategori tiga, empat dan lima turut mencatatkan peningkatan sama.

Menurut Dr Noor Hisham, peratusan pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 28/2022 bagi katil bukan kritikal meningkat sebanyak dua peratus; katil Unit Rawatan Rapi (ICU) meningkat sebanyak tiga peratus; dan tiada perubahan pada katil PKRC. - *Bernama*